

50 hektar tanah untuk bina rumah mangsa banjir

Lebih 50 hektar tanah sudah diluluskan kerajaan negeri bagi membina rumah kekal untuk 1,827 mangsa banjir di Kuala Krai dan Gua Musang.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Belia dan Sukan negeri Datuk Abdul Fattah Mahmood berkata, kelulusan itu meliputi tujuh kawasan dicadangkan iaitu dua di Gua Musang dan tujuh di Kuala Krai.

“Kawasan terbabit adalah Bertam dan Kampung Baru

Labir manakala Kuala Krai di Sri Rahmat, Guchil, Bukit Sireh, Tualang, Manik Urai, Dabong dan Chenulang.

“Selepas banjir pada Disember lalu, semua agensi berkaitan bermesyuarat menentukan lokasi sesuai membabitkan tanah milik kerajaan negeri dan kerajaan Pusat. Kelulusannya dilakukan serta-merta manakala agensi berkaitan boleh terus memulakan kerja tanah.

“Apa yang diluluskan ini cukup, kita yakin cukup

untuk bina semua rumah, malah berlebihan, contohnya di Chenulang, ia mampu menampung lebih 400 rumah kekal,” katanya.

Beliau ditemui selepas Mesyuarat Exco kerajaan negeri di Kota Darul Naim di sini, semalam.

Abdul Fattah berkata, tumpuan penyediaan tanah lebih kepada Gua Musang dan Kuala Krai manakala di Tanah Merah dibangunkan menggunakan dana kerajaan disebabkan hanya empat rumah terbabit.